



KOPERASI PELANCONGAN MUKIM BATU PUTEH KINABATANGAN BHD (KOPEL) HOMESTAY MISO WALAI: NADI KOPERASI

Oleh:
Norhazilina Abdul Halim

PENGENALAN

Berdasarkan kisah yang dikongsi bersama En. Hasim Hamid, Pengurus Koperasi, Mukim Batu Puteh telah diterokai oleh Tn. Imam bin Marewa pada tahun 1956 bersama-sama dengan beberapa orang saudara terdekatnya. Nama Mukim Batu Puteh diperoleh daripada sebongkah batu berwarna putih yang terdapat betul-betul berhampiran di tebing Sungai Kinabatangan iaitu terletak kira-kira 600 meter dari pusat kampung. Memandangkan pada masa dahulu pengangkutan air merupakan perhubungan yang utama, maka batu putih yang berada di tebing sungai itu adalah salah satu mercu tanda bahawa mereka berada di Kampung Batu Puteh. Mercu tanda lain yang boleh dilihat di sekitar kawasan kampung





Kisah KEJAYAAN KOPERASI DI MALAYSIA

adalah seperti Agop Batu Tulug dan Batu Supu yang terkenal sebagai Muzium sejarah (keranda kayu tempat menyimpan mayat) dan tempat sarang burung yang berwarna putih. Ke semua bongkah batu ini masih boleh dilihat sehingga ke hari ini. Kebanyakan peduduk kampung ini bekerja sebagai petani sara diri dan juga nelayan.

Namun, sekarang terdapat empat buah kampung yang terletak di bawah Mukim Batu Puteh iaitu Kampung Perpaduan, Kampung Batu Puteh, Kampung Menggaris dan Kampung Paris I. Kinabatangan kini juga dalam proses penambahbaikan prasarananya seperti menaik taraf jalan raya bertar dan tidak bertar, bekalan elektrik, masjid, sekolah rendah kebangsaan, bangunan pra sekolah, dewan serbaguna, klinik desa, tadika kemas dan jeti Kampung Menggaris untuk menampung keperluan penduduk seramai lebih kurang 1500 hingga 2000 orang sehingga Mac 2011. Pembinaan jambatan telah menggantikan sistem perhubungan air yang selama ini digunakan oleh penduduk kampung.



Jambatan Sungai Kinabatangan (Jalan Raya Sandakan – Lahad Datu)



Sekolah Kebangsaan Mukim Batu Puteh



SEJARAH PENUBUHAN KOPERASI PELANCONGAN MUKIM BATU PUTEH KINABATANGAN BHD (KOPEL)

KOPEL telah ditubuhkan pada 17 Julai 2003 dan didaftarkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) pada 30 September 2010 dengan jumlah keanggotaan seramai 260 orang. KOPEL diletakkan di bawah fungsi perkhidmatan. KOPEL diterajui oleh 9 orang Ahli Lembaga Koperasi (ALK) yang setiap satunya mempunyai peranan dan tanggungjawab berkaitan pengurusan dan pentadbiran koperasi, operasi aktiviti dan kewangan. Enam orang dikhaskan untuk merancang, memantau dan menjalankan segala urusan pentadbiran koperasi. Manakala selebihnya menjadi Ahli Jawatankuasa Kecil Biro-biro untuk memastikan operasi aktiviti KOPEL berjalan lancar. Oleh yang demikian, KOPEL menjadi payung kepada sembilan biro-biro untuk menggerakkan aktiviti pelancongan yang sedia ada dan memusatkan segala pentadbiran operasi di bawah satu badan pengelola. Pejabat koperasi dan bengkel gerakan atau pusat operasi terletak di Kampung Menggaris.



Pusat operasi KOPEL di Kampung Menggaris

AKTIVITI KOPEL

KOPEL telah mengklasifikasikan aktiviti operasinya kepada dua bahagian iaitu:

- i. Aktiviti Pelancongan
 - a) Homestay Miso Walai (Penginapan)
 - b) Tungug Rainforest Eco Camp (Penginapan)
 - c) Perkhidmatan pemandu pelancong
 - d) Perkhidmatan food and beverage (F & B)



Kisah KEJAYAAN KOPERASI DI MALAYSIA

- e) Perkhidmatan pengangkutan
 - f) Perkhidmatan perahu
 - g) Persembahan kebudayaan
- ii. Aktiviti konservasi
- a) Projek pemuliharan hutan
 - b) Projek pemuliharan Tasik Ladam

Homestay Miso Walai

Menurut En. Mohd Azlin Yusuf, Pegawai Promosi & Perhubungan KOPEL, bermula pada tahun 1997 perancangan awal adalah untuk memajukan kawasan hutan yang berada di sepanjang Sungai Kinabatangan. Idea ini wujud memandangkan kawasan hutan di sini sememangnya memiliki keunikan flora dan faunanya dan amat sesuai untuk diterokai serta dikongsi keindahannya bersama masyarakat luar. Bertepatan dengan itu, Kinabatangan mempunyai hutan paya, 20 buah Tasik Ladam di sepanjang Sungai Kinabatangan serta memiliki tujuh jenis hutan dan pelbagai jenis habitat hidupan liar. Kinabatangan terkenal sebagai habitat hidupan liar yang paling banyak. Memiliki lebih kurang sepuluh spesies monyet, 208 spesies burung dan gajah yang paling kecil saiznya di dunia dapat memberikan impak yang baik sebagai satu daya tarikan pelancongan. Ditambah dengan keunikan kebudayaan yang memiliki lebih daripada sepuluh bahasa tempatan, keunikan tradisi kisah, seni dan tarian serta tempat-tempat sejarah seperti Muzium Agop Batu Tulug (tapak keranda lama) dan tempat sarang burung yang berwarna putih di Batu Supu.



Keindahan alam semula jadi di Kinabatangan



Kelebihan sumber alam yang dimiliki ini memberikan KOPEL idea bagi mengeksplorasikannya. KOPEL mengambil inisiatif dengan menggembungkan tenaga untuk membuat perancangan am projek ekopelancongan dalam menentukan aktiviti serta cara yang sesuai berdasarkan pelan yang terperinci dan menyeluruh seperti yang terdapat dalam rajah 1 di bawah. Setiap aktiviti diatur mengikut kesesuaian dengan kapasiti kampung dan kemampuan untuk melaksanakannya agar apa yang dirancang dapat dijalankan seperti yang telah diatur. Faktor utama bagi menjamin kelangsungan projek ini adalah disebabkan oleh kesungguhan, kerjasama dan sokongan padu semua anggota koperasi yang turut sama terlibat dalam menjayakan aktiviti KOPEL selain daripada tarikan alam semula jadinya.



1	• Objektif
2	• Aktiviti Persatuan (operasi dan pemasaran)
3	• Undang-undang (syarat operasi dan syarat am persatuan)
4	• Senarai produk dan pakej
5	• Senarai kos - pulangan
6	• Surat-surat sokongan
7	• Sijil Penyertaan
8	• Sijil Anugerah
9	• Borang (pendaftaran pelancong, maklum balas, tempahan, resit dan sebagainya)

Rajah 1: Pelan Terperinci Operasi Ekopelancongan



Bermula pada tahun 2000, hanya dengan enam buah rumah sahaja terlibat dengan projek homestay. Namun, dengan usaha gigih dan kental daripada kalangan anggota koperasi, kapasiti enam buah rumah pada awalnya tidak mampu untuk menampung permintaan ini. Maka, tambahan rumah diperlukan. Setahun operasi telah melibatkan 1200 orang untuk menginap di homestay dan 2600 orang melanggan pakej menaiki bot untuk melihat hidupan liar di sepanjang Sungai Kinabatangan. Bukan itu sahaja, pada tahun 2001 projek tasik ladam dibangunkan. Kem Timbaan Tungog merupakan eco camp yang telah dibina di salah satu daripada 20 buah tasik ladam yang terdapat di Sungai Kinabatangan. Seni bina dan reka bentuknya dibuat serta dibangunkan sendiri oleh anggota koperasi.

KOPEL turut melancarkan laman web rasminya sebagai salah satu alternatif dalam rangka promosi iaitu www.misowalaihomestay.com. Selain itu juga, sokongan padu daripada Kementerian Pelancongan Malaysia (MOTOUR) dan Sabah Tourism juga membolehkan mereka berpeluang mengikuti pameran, karnival dan Expo Pelancongan untuk mempromosikan Miso Walai Homestay secara lebih meluas lagi. Tidak lupa juga peranan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) selaku badan yang menyelia koperasi turut sama memberi peluang kepada KOPEL untuk mengikuti program lawatan dan kursus di dalam dan luar negara serta bantuan Jabatan Hutan Sabah yang memberikan kepercayaan kepada KOPEL untuk menerokai hutan simpan (Eco Camp dan Suppu Camp) yang telah digazedkan oleh kerajaan untuk diterokai bagi memantapkan lagi aktiviti pelancongan di sini.

Oleh kerana promosi yang begitu hebat dan meluas, permintaan juga semakin meningkat. Jikalau sebelum ini sehingga tahun 2010 hanya sebanyak 33 buah rumah sahaja yang terlibat, namun pada tahun 2011 bilangan rumah yang terlibat dalam homestay telah meningkat sebanyak 42 buah rumah (Laporan Prestasi KOPEL). Jika dilihat daripada prestasi ini, tidak hairanlah KOPEL boleh mencatatkan jumlah pendapatan homestay yang tertinggi bagi tahun 2010 iaitu (i) Jumlah pendapatan homestay sebanyak **RM898,748.80** (ii) Purata pendapatan bulanan homestay sebanyak **RM74,895.73** dan (iii) Purata pendapatan bulanan setiap rumah sebanyak **RM3,941.89** (Laporan Prestasi Homestay Malaysia).



Penginapan penulis di salah sebuah Homestay Miso Walai



Kem Timbaan Tungog salah satu tempat penginapan pelancong



Salvenia sejenis tumbuhan yang menutupi permukaan Tasik Ladam

Pakej Aktiviti Pelancongan Kopel


Pakej penginapan yang begitu mendapat permintaan tinggi dan menarik ramai pelancong adalah tinggal di homestay berbanding penginapan di kem seperti yang ditunjukkan dalam rajah 2 di bawah. Berdasarkan statistik ini, dapat dilihat bahawa keinginan untuk merasai sendiri keistimewaan dan keunikan adat, budaya serta kemesraan yang disajikan oleh masyarakat di sini menjadi faktor utama kepada pelancong untuk memilih tinggal di homestay. Maka, ianya amat bertepatan dengan definisi homestay iaitu merupakan satu bentuk pengalaman di mana pelancong tinggal bersama keluarga tuan rumah iaitu selaku pengusaha homestay yang telah berdaftar dengan Kementerian Pelancongan. Para pelancong berpeluang untuk berinteraksi serta mengalami gaya hidup sehari-hari masyarakat kampung dan kebudayaan mereka. Konsep utama yang ditekankan bagi produk ini adalah lebih kepada produk pelancongan *lifestyle* atau yang berunsurkan pengalaman (Garis Panduan Homestay Malaysia, MOTOUR).

Pelancong yang menginap di homestay adalah daripada kalangan pelajar universiti dan kolej yang sedang bercuti serta menjadi ahli sukarelawan. Kebanyakan mereka ini sedang menjalankan penyelidikan atau mengikuti program motivasi. Pelancong dari negara Australia, Jepun, Kanada, United Kingdom dan USA serta pelancong dalam negara adalah di antara pelancong yang paling ramai menginap di homestay. Kebanyakan pelancong ini datang secara berkumpulan menginap selama 1 minggu, manakala volunteers selama 1 bulan dan individu (FIT) pula kebiasaannya menginap selama 3 hari 2 malam.

Sumber: Laporan Statistik KOPEL



Sumber: Laporan Statistik KOPEL



Rajah 2 : Jumlah pelancong yang menginap di homestay sehingga 2010

Selain itu juga, KOPEL turut menawarkan pelbagai pakej lain kepada pelancong sepanjang mereka menginap di homestay. Antara yang paling mendapat sambutan adalah seperti;

- i. Tradisi masyarakat tempatan
 - a) Penyediaan masakan tradisional
 - b) Pakaian tradisional
 - c) Adat budaya tempatan
- ii. Aktiviti konservasi hutan (penanaman semula pokok)
 - a) Memungut anak benih
 - b) Nursery anak pokok
 - c) Pembersihan kawasan penanaman pokok
 - d) Penanaman pokok
 - e) Penjagaan pokok
- iii. Khidmat masyarakat
- iv. Menaiki bot di Sungai Kinabatangan (River Boat Services)
- v. Lawatan ke muzium
- vi. Penginapan di *Tungog Rainforest eco camp*



Kisah KEJAYAAN KOPERASI DI MALAYSIA



Hidupan liar di sepanjang Sungai Kinabatangan



Tapak konservasi hutan

Khidmat masyarakat daripada sukarelawan



Muzium Agop Batu Tulug - Tapak keranda lama



Oleh yang demikian, setiap pakej yang ditawarkan boleh dipilih sendiri oleh pelancong. Pakej yang dipilih juga boleh menggunakan khidmat pemandu pelancong atau pun tidak mengikut permintaan dan keperluan pelancong itu sendiri. Harga dan pakej yang ditawarkan seperti yang terdapat di dalam laman web boleh dirunding mengikut kesesuaian dan kehendak pelanggan.

Faedah Homestay

Kepelbagaiannya idea, perancangan, strategi yang diatur dan pelaksanaan yang menyeluruh serta peruntukan sumber, memungkinkan KOPEL dapat mencapai apa yang dirancang. Kelebihan ini, membolehkan KOPEL melebarkan sayapnya untuk menjamin kepentingan dan kebaikan bukan sahaja melibatkan anggota KOPEL bahkan semua penduduk di Mukim Batu Puteh. Manfaat dan faedah yang diperoleh melalui aktiviti pelancongan terutamanya Homestay Miso Walai ini adalah seperti berikut:

- a) Ekonomi
 - i. Meningkatkan jumlah pendapatan sampingan kepada penduduk Mukim Batu Puteh, bukan sahaja yang terlibat secara langsung dengan homestay bahkan juga dari pelbagai sumber pendapatan lain seperti Persatuan Bot Servis, Persatuan Bas, kraftangan, pemandu pelancong, program pemuliharaan hutan, penyediaan makanan, persempahan kebudayaan dan sebagainya. Secara tidak langsung ini dapat membantu pihak kerajaan dalam usaha untuk membasmi kemiskinan penduduk di luar bandar.
 - ii. Menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan kepada penduduk setempat terutamanya golongan belia yang menjadi teras kepada aktiviti pelancongan yang dijalankan. Penglibatan mereka ini boleh mengurangkan jumlah penghijrahan ke bandar.
 - iii. Memperbaiki taraf hidup masyarakat setempat ke arah yang lebih sempurna dan stabil melalui Skim Pembaikan Rumah para peserta dan kemudahan asas. Oleh itu, ia dapat mengurangkan sikap kebergantungan terhadap bantuan dan subsidi kerajaan untuk menaik taraf hidup masyarakat setempat.



Kisah KEJAYAAN KOPERASI DI MALAYSIA



Program ‘Summer Camp’ yang menarik pelancong ke Homestay Miso Walai

b) Sosial

- i. Meningkatkan semangat perpaduan dan persefahaman dalam kalangan masyarakat Mukim Batu Puteh. Kerjasama dan pemuaafakan penduduk kampung menjadi pendorong utama untuk menjayakan sesuatu program yang dirancang.
- ii. Budaya lepak, penagihan dadah dan gejala negatif yang lain dapat dikurangkan kerana golongan belia dan beliawanis ini turut sama terlibat dalam aktiviti yang dijalankan. Pelbagai kerja sebagai pemandu pelancong, pentadbir, tukang masak, pemandu bot, penari dan sebagainya boleh disertai oleh mereka.
- iii. Membentuk warga kampung yang lebih proaktif dan dinamik pemikirannya demi untuk meningkatkan jumlah pendapatan dan jumlah kedatangan pelancong agar aktiviti pelancongan kampung dapat terus bersaing dengan aktiviti lain.
- iv. Meningkatkan keyakinan dan sikap bekerja bersungguh-sungguh dalam kalangan masyarakat kerana mereka beranggapan bahawa projek ini adalah projek masyarakat mereka sendiri tanpa terlalu bergantung harap kepada pihak kerajaan.
- v. Amalan gotong royong dapat dihidupkan semula dalam kalangan penduduk Mukim Batu puteh kerana kebanyakan program awal atau pun mesyuarat adalah berasaskan kerjasama dan kerja secara berkelompok. Malah aktiviti ini selalu dilakukan bersama-sama dengan para pelancong seperti program pembersihan kawasan kampung, program landskap dan sebagainya.



c) Kebudayaan

- i. Mempromosi dan memperkenalkan kebudayaan dan adat resam masyarakat suku kaum ‘Orang Sungai’ di Kinabatangan melalui persembahan kebudayaan yang unik dan asli kepada pelancong. Ini seterusnya dapat membantu pihak Kementerian Kebudayaan dan Alam Sekitar dalam usaha mempromosikan kebudayaan di Sabah dan di Malaysia amnya.
- ii. Para belia dan belianis telah mula menaruh minat untuk mendalami adat resam dan kebudayaan nenek moyang mereka terutamanya daripada aspek cerita rakyat (Tangon), pakaian tradisi, muzik tradisional dan sebagainya. Golongan tua telah mula tampil untuk mengajar generasi muda dengan pelbagai petua, adat resam, kebudayaan serta makanan tradisional. Ini merupakan salah satu cara untuk memastikan adat resam dan budaya tempatan akan terus kekal selamanya.



Persembahan seni tarian dan kebudayaan

d) Pendidikan

- i. Peningkatan permintaan kepada pendidikan tidak formal dalam kalangan masyarakat terutamanya belia dan belianis yang bakal mengendalikan program kepada pelancong. Mereka akan mengikuti latihan atau kelas bahasa Inggeris yang dikendalikan sendiri oleh MESCOT.
- ii. Mengikuti kelas komputer dan belajar menggunakan Internet. Usaha ini adalah untuk meningkatkan kualiti pentadbiran dan penyediaan perakaunan yang betul.
- iii. Wujudnya beberapa kelas tambahan bahasa Inggeris yang dikendalikan oleh guru-guru sekolah untuk mengajar para suri rumah yang berminat terutamanya ahli-ahli homestay. Ini membantu meningkatkan pengetahuan serta taraf pendidikan masyarakat di Batu Puteh.



Kisah KEJAYAAN KOPERASI DI MALAYSIA

- iv. Meningkatkan kefahaman mengenai pendidikan alam sekitar agar dapat membantu menjaga keadaan alam sekeliling bukan sahaja di sekitar rumah tetapi juga di kawasan Mukim Batu Puteh agar dapat dikenalkan sebagai tempat yang indah dan bersih. Pendidikan alam sekitar melalui Program Pemulihan Hutan Simpan Supu amat bermakna kepada masyarakat terutamanya dari aspek membuka kesedaran kepada penduduk yang terlibat secara langsung dan tidak langsung.



Penceramah memberi taklimat dalam 'Bengkel Konservasi Ikan' dan 'Kursus Penternakan Madu Lebah Kelulut'

e) Kemudahan asas dan kebajikan

- i. Aktiviti pelancongan secara amnya telah menyumbang kepada pembangunan Kampung Batu Puteh terutamanya daripada segi pembinaan jalan baru yang bertar ke setiap jalan masuk kampung. Ini bermakna melalui aktiviti tersebut, kerajaan telah melihat inisiatif masyarakat setempat lalu menghulurkan bantuan dengan cara menaik taraf jalan Kampung Batu Puteh.
- ii. Pinjaman daripada tabung Miso Walai juga telah dapat memperbaiki setiap rumah atau atap rumah peserta yang terlibat dalam program homestay ini, malah membantu membeli tangki dan memperbaiki tandas agar para pelancong mendapat kepuasan tinggal dengan keluarga di rumah. Pembayaran balik akan dibuat melalui pemotongan sedikit demi sedikit jumlah pinjaman apabila mereka menerima pembayaran daripada pelancong yang tinggal di rumah mereka.
- iii. KOPEL juga turut menyediakan tabung kebajikan kepada masyarakat setempat yang memerlukan bantuan serta derma walaupun mereka ini bukan pengusaha homestay seperti khairat kematian, sumbangan kepada masjid, jamuan hari raya dan sebagainya.



PERANCANGAN DAN PROSPEK MASA DEPAN KOPEL

Bagi menjamin kelangsungan operasi homestay amnya dan KOPEL khususnya beberapa perancangan telah diatur antaranya adalah seperti:

- i. Meningkatkan mutu perkhidmatan & produk
- ii. Meningkatkan sumber tenaga mahir tempatan
- iii. Promosi dan pemasaran dalam & luar negeri
- iv. Projek ternakan ikan air tawar
- v. Projek pertanian - mengusahakan tanah 10 ekar untuk menanam buah-buahan tempatan
- vi. Projek baja organik dari Salvenia
- vii. Kedai runcit koperasi
- viii. Bangunan pusat interpretasi

KESIMPULAN

Walaupun penglibatan koperasi masih baru di dalam bidang perniagaan perlancongan homestay, secara keseluruhannya, Homestay Miso Walai ini telah berjaya mencapai matlamatnya untuk menambahkan pendapatan masyarakat Mukim Batu Puteh. Pelbagai manfaat dan faedah bukan sahaja daripada aspek ekonomi tetapi juga sosial, kebudayaan, pendidikan, kebaikan dan kemudahan asas telah diterima oleh masyarakat setempat bukan sahaja anggota KOPEL malah pengusaha homestay peroleh peningkatan daripada segi sosioekonomi. Jelas sekali bahawa program homestay ini telah memberi peluang kepada anggota KOPEL dan masyarakat yang terlibat untuk meningkatkan taraf sosioekonomi , budaya dan sosial dengan penglibatan aktif dalam setiap aktiviti yang dianjurkan.

Oleh yang demikian, selaras dengan hasrat kerajaan agar koperasi terlibat dalam sektor pelancongan adalah untuk membantu anggota koperasi menambah pendapatan daripada aktiviti-aktiviti yang wujud melalui perniagaan homestay ini bagi meningkatkan sumbangan sektor koperasi kepada pedapan negara bagi mencapai Dasar Koperasi Negara 2011-2020.



Kisah KEJAYAAN KOPERASI DI MALAYSIA

Sehubungan itu, penubuhan KOPEL Berhad yang merupakan sebagai payung kepada semua aktiviti pelancongan di Mukim Batu Puteh jelas sekali menunjukkan betapa Homestay Miso Walai menampakkan kesungguhannya dalam melaksanakan semua projek yang telah dirancang. Segala perancangan rapi dan jitu yang mengambil kira semua aspek sebelum dilaksanakan juga adalah suatu faktor yang amat penting bagi memampangkan lagi program pelancongan di Mukim Batu Puteh, Kinabatangan. Seterusnya, koperasi mampu melahirkan lebih ramai usahawan desa dalam kalangan anggota koperasi yang terlibat dalam aktiviti perniagaan homestay.

